

Masyarakat digesa ambil peluang sektor pelancongan

UB 5.11.2018 A3

TUNGKU: Masyarakat daerah ini perlu mengambil peluang menjadikan industri pelancongan sebagai sumber baharu perniagaan mereka, kata Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Assaffal Haji Alian.

Beliau yang juga Adun Tungku berkata demikian

ketika merasmikan penutupan Bengkel Penulisan Buku Mewah (Coffee Table Book) dan Sesi Diskusi Meja Bulat Pembangunan Pelancongan Siri 1/2018, bertempat di Pulau Buta Agro Tourism Resort Tungku.

Seramai 20 orang menyertai bengkel dan

kursus itu yang dibimbing oleh Profesor Madya Dr Jabil Mapjabil dari UPEP, FKSW, UMS.

Program itu anjuran bersama Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan (UPEP) FKSW, UMS, Persatuan Komuniti Usahawan Lahad Datu (Perlu) dan MJ

Kontraktor.

Assaffal berharap peserta kursus dapat menjayakan matlamat dan objektif program bengkel itu agar daerah Tungku yang kaya dengan sumber pelancongan dapat dimajukan.

“Adalah menjadi harapan kita agar selepas kursus ini akan lahir lagi mereka yang berminat dalam industri pelancongan di kawasan ini,” katanya.

Dalam majlis itu juga, diadakan dialog dan perbincangan dari hati ke hati di mana Assaffal memberi maklum balas yang bernas dan memuaskan hati para peserta.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Presiden Persatuan Kebajikan Anak-anak Tungku (Paatu) Datuk Mohd Basri Abd Gafar.



PESERTA mengabadikan gambar kenangan dengan Jabil.